

Sambutan besar2an diadakan Dr. Mahathir akan lawat Melaka 2 hari



DR. MAHATHIR

MELAKA, Selasa—Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah akan melawat dua hari ke Melaka mulai Jumaat ini.

Bellau akan tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam dekat sini pada jam 9 pagi Jumaat ini dan akan disambut secara besar-besaran oleh rakyat negeri ini khususnya ahli-ahli serta penyokong-penyokong Barisan Nasional.

Ketua Menteri, Encik Mohd. Adib Haji Mohd. Adam berkata hari ini Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah akan mempunyai atur cara yang sibuk sepanjang lawatan dua hari itu.

Encik Mohd. Adib sendiri akan mengetahui upacara menyambut ketibaan Timbalan Perdana Menteri dan isteri di lapangan terbang tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan isterinya kemudian

akan diperkenalkan kepada ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Negara, ketua-ketua jabatan, pemimpin serta penyokong parti komponen Barisan Nasional.

Selepas upacara sambutan di lapangan terbang itu, Timbalan Perdana Menteri diringi oleh Ketua Menteri Melaka akan berlepas ke Bilik Gerakan Seri Negeri di sini untuk menghadiri majlis taklimat mengenai pentadbiran serta pembangunan negeri Melaka.

Encik Mohd. Adib dalam kenyataan berkata Datin Seri Dr. Siti Hasmah pula akan mempunyai acara lawatan berasingan.

Bellau dengan diringi oleh isteri Ketua Menteri, Puan Zainiah Hussain akan melawat ke Sekolah Perempuan Sungai Lereh.

Timbalan Perdana Menteri akan menunaikan far-dau Jumaat di Masjid Tengkeru sebelum melakukan kunjungan hormat ke atas Yang Dipertua Negara Tun Haji Syed Zahiruddin Syed Hassan di Seri Melaka.

Pada sebelah petangnya, Timbalan Perdana Menteri dan isterinya akan diraikan dalam satu majlis jamuan teh dan pertunjukan kebudayaan di perkarangan kediaman Pegawai Daerah Alor Gajah.

Sebelum itu, bellau akan mendengar taklimat mengenai pentadbiran dan pembangunan daerah Alor Gajah oleh Pegawai Daerah Encik Zainal Karib di bilik gerakan Pegawai Daerah Alor Gajah.

Ketua Menteri menambah, selepas majlis itu Timbalan Perdana Menteri dan rombongannya akan melakukan lawatan ke Ladang Sri Lingga Sdn. Bhd. di Kuala Linggi.

Pengerusi GABEMA Sdn. Bhd., Datuk Setia Haji Abdul Ghani Ali yang juga bekas Ketua Menteri akan memberi taklimat mengenai perjalanannya Syarikat Sri Lingga iaitu anak syarikat GABEMA.

Pada sebelah malamnya, Datuk Seri Dr. Mahathir dan isteri akan menghadiri majlis makan malam anjuran Perhubungan UMNO Negeri Melaka di Dewan Hang Tuah.

Majlis itu bertujuan memungut derma tabung kompleks bangunan UMNO Malaysia dan kira-kira \$100,000 dijangka didapati pada malam itu.

Pada hari Sabtu, Dr. Mahathir akan merasmikan konvensyen UMNO negeri Melaka yang pertama di dewan Maktab Perguruan Perampuan Melaka pada jam 9 pagi.

Ketua Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Musa Hitam yang juga Menteri Pelajaran dan Encik Mohd. Adib, yang juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Melaka akan turut serta.

Timbalan Perdana Menteri akan mengadakan satu sidang akhbar di Seri Peringgii sebelum berlepas pulang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No.

No.

41

2/8